

CNS3076

U GB 16-07 00138 BH844

BAH

Mahathir - Kereta

SHAH ALAM, 16 Julai (Bernama) -- Malaysia mungkin mengadakan usahasama dengan Syarikat Daihatsu dari Jepun bagi mengeluarkan kereta yang mempunyai keupayaan enjin 1,000 cc ke bawah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, keputusan muktamad mengenai perkara itu akan dibuat setelah kajian kemungkinan mengenainya selesai dijalankan oleh syarikat tersebut.

+Pada masa ini Daihatsu sedang menjalankan kajian berdasarkan kepada garis panduan yang diberikan oleh kerajaan,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan kereta Proton Saga ke-300,000 unit dan perasmian kilang enjin dan transmisi Proton di sini.

Ketika ditanya mengenai garis panduan tersebut, beliau berkata, penekanan diberikan kepada harga kereta yang bakal dihasilkan kerana kerajaan mahu ia ditetapkan pada paras yang berpatutan.

+Kalau harganya terlalu tinggi, kita tidak boleh buat,+ kata beliau. -- Lagi.

♥16/07/15-49MST

CNS3078

U GB 16-07 00129 BH845

BAH

Mahathir - Kereta 2 Shah Alam

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu diambil bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah juga mampu memiliki kereta sendiri.

Beliau tidak bersetuju bahawa usaha itu diambil kerana harga kereta Proton Saga sekarang mahal hingga kerajaan terpaksa mengeluarkan kereta lain untuk golongan berpendapatan rendah.

+Di mana-manapun sekarang tekanan ialah untuk mengadakan kereta lebih kecil dan lebih murah bagi digunakan sebagai kereta kedua atau untuk perjalanan dalam bandar,+ katanya.

Beliau bagaimanapun tidak dapat menyatakan harga yang mungkin ditetapkan bagi kereta tersebut atau bila ia akan dilaksanakan +kerana ia bergantung kepada keputusan kajian kemungkinan yang dijalankan sekarang.+

Ketika ditanya mengapa Proton sendiri tidak mengeluarkan kereta tersebut beliau berkata, langkah itu akan membabitkan perbelanjaan yang besar. -- Lagi.

♥16/07/15-50MST

CNS3079

U GB 16-07 00186 BH846

BAH

Mahathir - Kereta 3 Shah Alam

Pengeluaran kereta itu juga bukan bertujuan untuk bersaing dengan Proton kerana kedua-duanya akan mempunyai keupayaan enjin yang berlainan dan beliau berpendapat pada masa ini terdapat pasaran bagi kereta yang lebih ekonomis.

Sebelum itu ketika ditanya mengenai kenaikan harga Proton yang diumumkan baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kereta nasional masih lagi murah berbanding dengan kenderaan-kenderaan lain yang sama kelas dengannya.

Beliau bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Proton setakat ini kerana mampu mengeluarkan jumlah kereta yang banyak dan bermutu tinggi dalam jangka masa yang singkat walaupun pada asalnya tidak mempunyai pengalaman dalam bidang automotif.

+Ini menunjukkan para pengurus dan pekerja Malaysia berkemampuan dalam bidang kejuruteraan hingga Proton dapat diterima dan mampu bersaing dengan kereta-kereta lain di mana-mana,+ kata beliau.

Mengenai harga komponen yang masih tinggi walaupun kini dihasilkan di dalam negeri, Perdana Menteri berkata, keadaan itu tidak dapat dielakkan kerana jumlah yang dikeluarkan adalah kecil berbanding dengan keluaran berjuta unit oleh para pengeluar asing.

+Tetapi lama-kelamaan kita pasti akan mencapai tahap skala ekonomi itu,+ katanya. -- Bernama.

♥16/07/15-51MST